

Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya: Satu Pengenalan

Idris Awang

Abstract

The Faculty of Syariah University of Malaya was set up in 1981 as part of the Islamic Academy of the University. It offers courses in Islamic Jurisprudence and various other electives as economics, law and politics. The article is devoted to tracing the history of its development

Fakulti Syariah Universiti Malaya telah ditubuhkan pada 1 April 1981 serentak dengan penubuhan institusi payungnya Akademi Islam berasaskan kepada perakuan Lembaga Pengajian Mengenai Nilam Puri, Universiti Malaya. Lembaga tersebut telah dibentuk oleh Senat Universiti Malaya pada 29 Julai 1979 di bawah Fasal 2 Statut XII Universiti. Turut tertubuh bersama Fakulti Syariah di bawah Akademi Islam ialah Fakulti Usuluddin dan program Pra-Akademi. Setahun kemudiannya Program Sarjana Muda Pendidikan Islam pula ditubuhkan.

Asas dan bentuk Fakulti Syariah Akademi Islam berakar umbi kepada Fakulti Syariah dan Undang-Undang Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), Nilam Puri, yang ditubuhkan pada 1 Oktober 1965 bersamaan 4 Jamadil-thani 1386.

Tujuan penubuhan yayasan tersebut ialah untuk menyediakan pengajian lanjutan dalam pengajian Islam serta menghasilkan cendekiawan Islam yang mampu memberi khidmat kepada masyarakat secara lebih berkesan.¹

Apabila Fakulti Syariah Akademi Islam ditubuhkan pada tahun 1981, tujuan-tujuan berkenaan dibawa bersama dan dibutirkan seperti berikut:

- a. Menyediakan peluang kepada pelajar yang berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang Islam di peringkat universiti.
- b. Melengkapkan angkatan terpelajar yang berdisiplin keislaman dengan pengetahuan tinggi dalam semua bidang pengetahuan seperti Undang-undang, Ekonomi, Kemasyarakatan dan lain-lain yang membolehkan mereka nanti menyebarkan Islam kepada umum.
- c. Menyediakan pegawai-pegawai tadbir, dan pendidikan serta ahli-ahli professional yang berdisiplin Islam supaya mereka dapat menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan masyarakat dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi.²
- d. Menggalakkan dan menampung usaha penyelidikan mengenai Islam dengan tujuan menyebarkan dan memperkembangkan ajaran Islam.³

Perlu dijelaskan bahawa tujuan-tujuan di atas merupakan juga tujuan-tujuan bagi Akademi Islam keseluruhannya.

Pentadbiran

Seperti fakulti-fakulti lain di Universiti Malaya, Fakulti Syariah juga diketuai oleh seorang Dekan yang bertanggungjawab kepada Senat Universiti. Beliau pada mulanya dibantu oleh seorang Timbalan Dekan dan dalam pentadbiran harian dibantu oleh seorang Penolong Pendaftar. Timbalan Dekan Syariah, selain dari melaksanakan tugas-tugas yang diberi oleh Dekan, juga menjadi penyelaras kepada Program Pendidikan Islam. Memandangkan tugas Timbalan Dekan menjadi bertambah berat dengan perkembangan-perkembangan di Fakulti dan juga Program, mulai pada sesi 1988/89 jawatan Timbalan Dekan Syariah (Pendidikan Islam) telah diwujudkan dengan dipertanggungjawabkan terus kepada Ketua Akademi Islam yang menjadi pengerusi kepada Program berkenaan.

Mengimbasi sejarah, Dekan pertama bagi Fakulti Syariah ialah Encik Md. Hashim Haji Yahya yang memegang jawatan ini dari 1 April 1981 hingga 20 Mac 1985. Jawatan ini kemudiannya dipangku oleh Encik Ab. Wahab Ab. Hamid dari 21 Mac 1985 hingga 3 April 1985. Jawatan Dekan ini kemudiannya diambil-alih oleh Encik Mahmood Zuhdi Haji Ab. Majid mulai dari 4 April 1985 sehinggalah tamat tempohnya pada 31 Mac 1988. Kemudian jawatan tersebut diambil oleh Encik Mohammad Che Wook dari 1 April 1988 sehingga 30 November tahun yang sama. Profesor Madya Md. Hashim Haji Yahya kembali memegang jawatan Dekan Syariah untuk kali kedua mulai 1 Disember 1988 sehingga beliau dilantik sebagai Ketua Akademi Islam pada 26 Februari 1989. Profesor Madya Mahmood Zuhdi Haji Ab. Majid kembali memegang jawatan Dekan Fakulti Syariah mulai 26 Februari 1989

sehingga 31 Mac 1990 dan diambil alih oleh Encik Sidi Ahmad Abdullah mulai 1 April 1990 sehingga 31 Ogos 1992. Jawatan ini berpindah tangan kepada Encik Hassan Haji Ahmad mulai 1 September 1992 hingga 31 Mac 1993 apabila Encik Md. Salleh Haji Md. @ Ahmad dilantik sebagai Dekan Syariah mulai 1 April 1993.

Timbalan Dekan Fakulti Syariah yang pertama ialah Encik Ab. Wahab Haji Ab. Hamid yang mula memegang jawatan ini pada 1 April 1981 hingga 31 Mac 1983. Ia kemudian diambilalih oleh Encik Md. Salleh Haji Md. @ Ahmad pada 1 April 1983. Timbalan Dekan Syariah yang ketiga ialah Encik Alias Haji Othman yang memegang jawatan ini dari 1 April 1983 hingga 31 Mac 1987. Encik Sidi Ahmad Abdullah mengambilalih jawatan ini pada 1 April 1987 yang kemudian diserahkan kepada penggantinya, Encik Hassan Haji Ahmad, pada 1 April 1990. Encik Hassan memegang jawatan ini sehingga diambilalih oleh Encik Ab. Mumin Haji Ab. Ghani pada 1 September 1991.

Dr. Ab. Aziz Haji Hanafi ialah Timbalan Dekan Syariah (Pendidikan Islam) yang pertama. Beliau memegang jawatan ini mulai dari 1 Julai 1988 hingga 19 Jun 1989. Jawatan ini kemudian diambilalih oleh Encik Idris Bin Awang dari 20 Jun 1989 hingga 27 Ogos 1993. Timbalan Dekan Syariah (Pendidikan Islam) ketiga ialah Encik Ab. Aziz Mohd. Zain yang mula memegang jawatan ini pada 28 Ogos 1993.

Tenaga Akademik

JADUAL 1
Tenaga Akademik Fakulti Syariah Universiti Malaya
Sesi 1981/82 - 1993/94

Sesi	Prof.	Prof. Madya	Pensyarah	Pensyarah Sementara	Pengajar	Pengajar Sementara	Jumlah
1981/82			13				13
1982/83			13				13
1983/84			13				13
1984/85			14				14
1985/86	1		15		2		18
1986/87	1		16		2		19
1987/88	1		16		7		24
1988/89	1		16		6		23
1989/90		2	10		8		20
1990/91		2	10		8		20
1991/92		2	14		5	5	26
1992/93		4	13		6	4	27
1993/94		4	13		4	7	30

SUMBER: Rumusan maklumat berkaitan dalam Buku-buku Panduan Akademi Islam Tahun Pengajian 1982/83 - 1993/94 & fail-fail berkenaan di Pejabat Dekan Syariah Universiti Malaya

Jadual di atas memberi gambaran tentang taburan perangkaan pensyarah di Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya mengikut sesi pengajian. Fakulti Syariah mula menawarkan kursus-kursusnya pada sesi 1981/82 dengan hanya 13 orang tenaga akademik. Lima sesi kemudian, iaitu pada sesi 1986/87, bilangan ini bertambah kepada 19 orang. Pada sesi 1991/92 ia meningkat pula kepada angka 26 orang sehinggalah pada sesi 1993/94 menjadi 30 orang.

Jumlah tenaga akademik yang ada pada setiap sesi ini sebenarnya adalah jauh kurang dari yang diperlukan. Misalnya, apabila Fakulti Syariah memulakan pengajiannya pada sesi 1981/82, 13 orang tenaga akademik yang ada terpaksa mengendalikan kursus-kursus di dalam semester pengajian yang berjalan serentak, iaitu Semester Pertama dan Semester Ketiga,⁴ ditambah dengan kursus-kursus Tahun Ketiga dan Keempat di bawah sistem YPTIK di Nilam Puri yang masih ditawarkan di peringkat transisi pada waktu itu. Pada sesi 1993/94 pula, Fakulti Syariah menawarkan 59 kursus meliputi kursus-kursus asas dan pilihan (tidak termasuk Kertas Projek) dari Tahun Pertama hingga Tahun Akhir dengan empat orang Profesor Madya, 13 Pensyarah dan dua Pensyarah Sementara yang ada berjumlah 20 orang kesemuanya. Jumlah ini termasuk tiga orang yang mengambil cuti sabbatical yang tidak mengendalikan apa-apa kursus. Kekurangan tenaga akademik ini memaksa Fakulti mengambil 20 orang pensyarah sambilan dari luar.⁵

Pengajian

Pada peringkat awal sejarah Fakulti Syariah, iaitu dari sesi 1981/82 hingga sesi 1988/89, pengajian dibahagikan kepada lapan semester dalam tempoh minimum empat tahun. Di bawah sistem ini setiap pelajar mengambil enam hingga tujuh kursus, termasuk satu kursus pilihan dalam setiap semester. Tempoh maksimum yang dibenarkan kepada setiap pelajar ialah enam tahun pengajian. Peperiksaan dijalankan pada akhir setiap semester. Tetapi mulai dari sesi 1989/90 perubahan dilakukan kepada sistem penggal dengan jumlah minimumnya empat tahun. Di bawah sistem ini setiap pelajar mengambil sepuluh hingga sebelas kursus, termasuk dua kursus pilihan dalam setiap tahun pengajian. Tempoh maksimum pengajian dikekalkan enam tahun. Peperiksaan dilaksanakan di akhir setiap tahun.⁶

Pada peringkat sebelum sesi 1991/92 kursus-kursus wajib pada asasnya terdiri dari kursus asas dalam Syariah dan Undang-undang di samping kursus-kursus Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Kursus-kursus pilihan pula terdiri dari kursus-kursus dalam bidang Ekonomi, Politik dan Pentadbiran dan beberapa kursus lain di bidang Usuluddin.

Penawaran kursus di Fakulti Syariah ini telah mengalami perubahan yang agak

besar mulai dari sesi 1991/92. Mulai pada sesi berkenaan, pelajar-pelajar Tahun Pertama mengambil kursus-kursus Syariah, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris sebagai kursus-kursus wajib, manakala Undang-undang, Ekonomi dan Politik serta Pentadbiran menjadi komponen-komponen kursus pilihan. Ini bererti bahawa seseorang pelajar akan mengambil kursus-kursus asas yang wajib dan memilih salah satu dari komponen-komponen Undang-undang, Ekonomi atau Politik dan pentadbiran.⁷

Sistem Peperiksaan

Ijazah-ijazah yang dikeluarkan oleh Fakulti Syariah ialah Sarjana Muda Syariah, Sarjana Muda Syariah Dengan Kepujian, Sarjana Syariah, dan Doktor Falsafah. Tulisan ini akan hanya menghuraikan sistem peperiksaan yang membawa kepada ijazah pertama sahaja, iaitu Sarjana Muda Syariah dan Sarjana Muda Syariah Dengan Kepujian.

Di peringkat ijazah pertama ini terdapat empat peperiksaan: Peperiksaan Pertama, Peperiksaan Kedua, Peperiksaan Ketiga dan Peperiksaan Akhir, bersamaan dengan empat tahun pengajian. Setiap peperiksaan dijalankan dua kali. Peperiksaan Utama dan Peperiksaan Tambahan. Pelajar yang gagal dalam Peperiksaan Utama dibenarkan mengambil Peperiksaan Tambahan jika memenuhi syarat-syarat yang ditentukan.⁸

Penentuan pangkat bagi ijazah pertama ini berdasarkan markah gempal 40% dari Peperiksaan Ketiga dan 60% Peperiksaan Akhir. Untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Kepujian Kelas Pertama seseorang calon perlu memperolehi sekurang-kurangnya agregat 70%, Kepujian Kelas Dua Atas sekurang-kurangnya agregat 60% tetapi kurang daripada 70%. Kepujian Kelas Dua Rendah pula agregatnya 46% atau lebih tetapi kurang daripada 60%, manakala untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Syariah (lulus) seseorang calon perlu memperolehi agregat 40% atau lebih tetapi kurang daripada 46%. Pencapaian agregat-agregat ini adalah sebahagian dari syarat-syarat yang ditentukan. Syarat-syarat lain meliputi pengambilan Peperiksaan Tambahan dan pengulangan tahun pengajian.⁹

Calon yang mendapat agregat 70% ke atas hanya layak mendapat Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Kepujian Kelas Pertama kalau sekiranya beliau tidak pernah mengambil Peperiksaan Tambahan dalam Peperiksaan Ketiga dan Akhir dan tidak pernah mengulangi pengajian Tahun-tahun Ketiga dan Akhir. Syarat-syarat untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Kepujian Kelas Kedua Atas adalah sama seperti Kepujian Kelas Pertama, perbezaan hanyalah pada pengumpulan agregat sahaja.¹⁰

Selain dari syarat agregat yang telah dinyatakan, syarat lain bagi seseorang calon untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Kepujian Kelas Dua Rendah ialah tidak pernah mengulangi pengajian pada Tahun Akhir. Untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Syariah tidak ada syarat selain dari mencapai agregat seperti yang telah dinyatakan.

JADUAL 2
Pelajar Fakulti Syariah Sesi 1981/82 - Sesi 1993/94

Sesi	Jumlah	Lelaki	Perempuan
1981/82	90	53 (58.89)	37 (41.11)
1982/83	128	87 (67.97)	41(32.03)
1983/84	171	117 (68.42)	54 (31.58)
1984/85	181	119 (65.75)	62 (34.25)
1985/86	197	125 (63.45)	72 (36.55)
1986/87	231	124 (53.68)	107 (46.32)
1987/88	265	129 (48.68)	136 (51.32)
1988/89	335	162 (48.36)	173 (51.32)
1989/90	397	174 (43.83)	223 (56.17)
1990/91	439	188 (42.82)	251 (57.18)
1991/92	489	187 (38.24)	302 (61.76)
1992/93	509	194 (38.11)	315 (61.89)
1993/94	536	206 (38.43)	330 (61.57)

SUMBER: Rumusan dari Laporan-Laporan Tahunan Universiti Malaya 1989/90 - 1991/92 dan Fail-Fail Fakulti Syariah Universiti Malaya.

Di peringkat awal sejarahnya, walau pun Fakulti Syariah melaksanakan pengajiannya secara semester, pengambilan pelajar baru adalah secara tahunan. Ini bererti pelajar memulakan pengajian mereka dalam semester ganjil (satu, tiga, lima dan tujuh) pada awal sesi kemudian menyambunginya dalam semester genap (dua, empat, enam dan lapan mulai pertengahan sesi. Oleh kerana Fakulti Syariah memulakan pengajiannya dengan dua semester, iaitu Semester-semester Satu dan Tiga pada sesi 1981/82, ia hanya mempunyai bilangan pelajar yang penuh pada sesi 1984/85. Ketika itu jumlah pelajarinya ialah 181 orang. Jumlah itu sekarang sudah menjadi 536 orang.

Satu fenomena menarik dalam sejarah Fakulti Syariah ialah perubahan dalam komposisi jantina pelajar-pelajarnya. Pada sesi 1984/85 dari 181 pelajarinya 65.75% adalah lelaki dan 34.25% perempuan. Empat sesi kemudiannya, iaitu pada sesi 1988/89 dari 335 pelajar, 48.36% adalah lelaki dan perempuan 51.64%. Pada sesi 1993/94, iaitu lima sesi berikutnya, dari 536 pelajar, 38.43% adalah lelaki manakala

perempuan 61.57%. Taburan peratusan ini menunjukkan dengan jelas satu perubahan yang drastik telah berlaku dalam perbezaan komposisi jantina pelajar di Fakulti Syariah. Yang lebih menarik ialah ianya berlaku secara silang dalam tempoh hanya sepuluh tahun sahaja.

Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya mula mengeluarkan siswazah pada sesi 1983/84, iaitu tiga sesi selepas penubuhannya (Jadual 3). Sehingga sesi 1992/93 ia telah melahirkan 641 orang siswazah, kebanyakannya mendapat Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Kepujian Kelas Kedua Rendah, iaitu (67.08%), diikuti oleh Kepujian Kelas Dua Tinggi (24.02%). Siswazah yang berjaya mendapat Sarjana Muda Syariah Dengan Kepujian Kelas Pertama ialah (5.77%), manakala Sarjana Muda Syariah (3.12%).

JADUAL 3

Perangkaan Penerima Ijazah Sarjana Muda Syariah (SMS), Sarjana Muda Syariah Dengan Kepujian Kelas Pertama (SMS 1), Kelas Dua Tinggi (SMS 2 T) Dan Kelas Dua Rendah (SMS 2 R)

Sesi	SMS 1	SMS 2T	SMS 2R	SMS	Jumlah
1983/84		2	27	6	35
1984/85	3	13	27	-	43
1985/86	2	11	30	-	43
1986/87	6	16	23	-	45
1987/88	6	14	27	-	47
1988/89	1	19	39	-	47
1989/90	3	13	53	3	72
1990/91	6	23	44	1	74
1991/92	6	20	73	4	103
1992/93	4	23	87	6	120
JUMLAH	37	154	430	20	641

SUMBER: Rumusan dari buku-buku Konvoquesyen Universiti Malaya 1984-1993

Nota kaki

1. *Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri, (10 Tahun) 29 Rejab - 1 Syaaban 1397, 16 - 18 Julai 1977. hal. 10*
2. *Laporan Sementara Kedua Lembaga Pengajian Untuk Nilam Puri, h. 6.*
3. *Akademi Islam Universiti Malaya, Buku Panduan Tahun Akademik 1986/87, hh. 1-2*
4. *Pelajar-pelajar Semester Ketiga adalah pelajar-pelajar yang telah lulus dari Tahun Pertama YPTIK yang juga diserapkan ke dalam Akademi Islam semasa penyerapan yayasan berkenaan ke dalam Universiti Malaya.*
5. *Perangkaan dari Pejabat Dekan Fakulti Syariah Universiti Malaya.*
6. *Sila bandingkan Akta L dan Peraturan L Sarjana Muda Syariah dalam Buku Panduan Akademi Islam Tahun Pengajian 1988/89 hh. 87-92 dengan Akta L (Dipinda) (1989) dan Peraturan L (Dipinda) (1989) dalam Buku Panduan Akademi Islam Tahun Pengajian 1989/90 hh. 87-89.*
7. *Sila lihat Buku Paduan Akademi Islam Universiti Malaya Tahun Akademi 1991/92, h. 98.*
8. *Peraturan Peperiksaan (Sarjana Muda Syariah) Universiti Malaya (Dipinda) (1989), Peraturan XIII, Bahagian 3B.*
9. *Ibid.*
10. *Ibid.*

RUJUKAN

Buku

Akademi Islam, Buku Panduan Universiti Malaya Akademi Islam Tahun Pengajian 1982/83

-----, *Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Tahun Pengajian 1986/87*

-----, *Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Tahun Pengajian 1987/88*

-----, *Buku Panduan Akademi Islam Univeriti Malaya Tahun Pengajian 1988/89*

-----, *Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Tahun Pengajian 1989/90*

-----, *Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Tahun Pengajian 1990/91*

-----, *Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Tahun Pengajian 1991/92*

-----, *Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Tahun Pengajian 1992/93*

-----, *Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Tahun Pengajian 1993/94*

Universiti Malaya, *Laporan Tahunan Ke 37 1985-86*

-----, *Laporan Tahunan Ke 38 1986-87*

-----, *Laporan Tahunan Ke 39 1987-88*

-----, *Laporan Tahunan Ke 40 1988-89*

-----, *Laporan Tahunan Ke 41 1989-90*

-----, *Laporan Tahunan Ke 42 1990-91*

-----, *Laporan Tahunan Ke 43 1991-92*

Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), Nilam Puri 10 Tahun 29 Rejab - 1 Syaaban 1397 : 16 - 18 Julai 1977

Kertas kerja

Mahmood Zuhdi H. Abd. Majid, "Pengajian Syariah Dan Undang-undang Di Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya", Seminar Pengajian Syariah dan Undang-undang Di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia, UKM, 25-26 Ogos, 1993.

Laporan

Laporan Sementara Kedua Lembaga Pengajian Untuk Nilam Puri

Fail

Fail-fail berkaitan di Pejabat Dekan Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya.